



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 DISEMBER 2017 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- Tanah Perkuburan Islam Kampung Datuk Keramat ditutup

26



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

## KERATAN AKHBAR 21 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Tanah Perkuburan Islam Kampung Datuk Keramat ditutup
Muka Surat	26

### Tanah Perkuburan Islam Kampung Datuk Keramat ditutup

**KUALA LUMPUR 20 Dis.** - Tanah Perkuburan Islam Kampung Datuk Keramat di Lorong Keramat 9 di sini ditutup berikutan tidak dapat menampung jumlah jenazah baharu.

Pengerusi Masjid Al Akram, Abdul Karim Mat Asil berkata, selepas ini semua urusan pengebumian akan dilakukan di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah, Karak.

Menurutnya, sehingga semalam hanya ada tujuh liang lahad yang masih kosong.

"Tanah perkuburan ini dibuka sejak 1990. Difahamkan, kira-kira 2,500 jenazah dewasa dan kanak-kanak disemadikan di tanah wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

"Rata-rata kariah dan penduduk di sini berasa sedih kerana ada dalam kalangan mereka berniat mahu disemadikan kelak

#### TANAH PERKUBURAN KAMPUNG DATUK KERAMAT

- Terletak di tengah-tengah kawasan penempatan penduduk Kampung Datuk Keramat.
- Mula dibuka pada tahun 1990.
- Tanah wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Menempatkan kira-kira 2,500 jenazah dewasa dan kanak-kanak.

bersama-sama ahli keluarga yang meninggal dunia sebelum ini. Namun akhirnya mereka akur

tanah perkuburan ini tidak lagi boleh menerima jenazah baharu kerana telah penuh," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Yang turut hadir Pegawai Khas Ahli Parlimen Titiwangsa, Mohd. Nor Ibrahim dan wakil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Sayful Hamizi Mohammad Yusop.

Sementara itu Mohd. Nor pula berkata, walaupun berasa sedih dengan penutupan tanah perkuburan itu, namun percaya tanah perkuburan baharu lebih selesa dan teratur.

"Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah antara tanah perkuburan yang dilengkapi dengan kemudahan yang baik dan diuruskan dengan sempurna," katanya.

Tambahnya, tanah perkuburan itu sangat besar dan boleh menampung beribu jenazah.



ABDUL KARIM MAT ASIL (kanan) memberi penerangan kepada penduduk setempat berhubung penutupan Tanah Perkuburan Kampung Datuk Keramat, Lorong Keramat 9, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID